

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 MARCH 2015

# PM, TPM kongsi kesedihan

BH-25/3/2015



Najib mengabadikan ucapan takziah atas kematian Kuan Yew sambil diperhatikan Vanu Gopala di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Singapura, semalam. [FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

“Ingatan dan harapan kami sentiasa diberikan kepada Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong yang kini bersedih atas kehilangan orang yang dikasihi. Saya yakin legasi keluarga Lee akan terus dalam ingatan seluruh rakyat Singapura kini dan juga dalam kalangan generasi akan datang”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

» **Wakili rakyat Malaysia ucap takziah kepada keluarga mendiang Kuan Yew**

Oleh Mohd Hamzar Hamid dan S Anand Kumar  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mewakili seluruh rakyat negara ini mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Lee Kuan Yew.

Najib menyatakan perasaan sedih menemsi-perutusan\* yang ditulis di dalam buku takziah kematian ketika mengunjungi pejabat Pesuruhjaya Tinggi Singapura, di sini, semalam.

Kehadiran Najib disambut Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, Vanu Gopala Menon dan meluangkan masa kira-kira 15 minit di situ.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

**Yakin legasi diteruskan**

Antara petikan tulisan Najib di dalam buku takziah itu me-



Muhyiddin menandatangani buku ucapan takziah di Kuala Lumpur. [FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

nyatakan ingatan rakyat Malaysia sentiasa kepada mendiang bekas perdana menteri republik itu.

“Ingatan dan harapan kami sentiasa diberikan kepada Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong yang kini bersedih atas kehilangan orang yang dikasihi.

“Saya yakin legasi keluarga Lee akan terus dalam ingatan seluruh rakyat Singapura kini dan juga dalam kalangan generasi akan datang,” katanya.

Najib turut menyatakan Singapura yang moden dan maju tidak mungkin wujud tanpa kepemimpinan mendi-

ang yang sangat berwawasan.

Sementara itu di Singapura, Hsien Loong terharu dengan kunjungan orang ramai yang terus membariyiri pekarangan kediaman rasmi beliau di Sri Temasek bagi menyampaikan nota ucapan takziah berikutan kematian bapanya pagi kelmarin.

Hsien Loong yang tiba bersama ahli keluarganya pada jam 2.06 petang sematam, turut meluangkan masa selama hampir 10 minit melihat serta membaca sendiri nota takziah yang ditulis orang ramai dan dipamerkan di ruangan khas berhampiran pintu masuk

utama kediaman Perdana Menteri.

**Ucap terima kasih**

Beliau juga bersalaman dengan orang ramai yang berada di kawasan berkenaan sambil mengucapkan terima kasih sebelum bejalan kaki memasuki ke dalam kediamannya pada jam 2.15 petang.

“Terima kasih semua... take care (jaga diri)” katanya.

Kuan Yew, 91, yang dimasukkan ke Hospital Besar Singapura sejak 5 Februari lalu meninggal dunia pada jam 3.18 pagi kelmarin, akibat radang paru-paru teruk.

Mayat mendiang diletakkan di Sri Temasek di sini, sejak semalam untuk upacara penghormatan terakhir oleh ahli keluarga sebelum dibawa ke bangunan Parlimen Singapura hari ini bagi membolehkan orang ramai memberi penghormatan terakhir kepada Kuan Yew sehingga 28 Mac ini.

Mendiang akan disemadikan di Krematorium Mandai pada Ahad ini.

Sementara itu, tinjauan *BH* semalam, mendapati beberapa khemah putih sudah ditempatkan berhampiran bangunan Parlimen Singapura sebagai persiapan untuk orang ramai beratur ketika hadir menziarahi mayat mendiang bermula jam 10 pagi hingga 8 malam sepanjang tempoh berkenaan.